

Komponen BN jangan terikut

U.M. 15 AUG 1974

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) terutamanya MCA supaya tidak terikut-ikut dengan rentak DAP.

Kata Pengerusi BN itu, jika semua pihak dalam BN melatah, kerjasama antara mereka akan berada dalam keadaan yang kritikal untuk menentukan kejayaan negara pada masa depan.

Menurut beliau tidak ada mana-mana gabungan parti politik di dunia yang mampu menyangi kejayaan BN mempertahankan pemerintahannya selama 37 tahun.

"Tetapi kita jangan mengambil mudah dan memandang ringan apa yang telah kita capai dalam tempoh itu kerana DAP sentiasa menunggu masa untuk mencari kelemahan kita dan cuba memecah belahkan penyatuan yang kita bina," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-39 di sini pagi ini.

Menurut Perdana Menteri, apa yang penting ialah parti-parti bukan Melayu dalam BN tidak harus berlumba dengan DAP dalam soal agama dan perkauman.

Katanya, BN tidak seharusnya membabikan dirinya dalam kaneh politik perkauman yang keterlaluan dan ekstrimis agama.

"Kita lihat bagaimana DAP begitu menentang apabila orang Cina memeluk agama Islam tetapi tidak mengambil kisah tentang pertukaran agama orang Cina kepada agama Kristian," kata Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan, tentangan terhadap perkara ini adalah sebahagian daripada sikap pemimpin-pemimpin DAP yang tidak suka kepada agama Islam dan orang Melayu.

Orang-orang Cina, kata Dr. Mahathir tidak perlu bimbang dalam soal ini dan jangan terpengaruh dengan dakwah DAP kerana di dalam Islam sememangnya tidak ada paksaan.

Islam, jelasnya, tidak menyuruh sesiapa memeluk agama itu melalui paksaan dan penipuan.

Sebaliknya, kata beliau, mereka harus menerima Islam secara rela hati dan jika mereka ditipu atau dipaksa mereka sebenarnya bukan Islam dan pengembalian kepada agama asal mereka adalah masalah peribadi mereka.

"Oleh itu tidak ada sebab mengapa kita semua harus terperangkap dengan perkara yang sengaja diada-adakan oleh DAP," tegasnya lagi.

Demikian juga dengan hukum hudud yang digunakan oleh Pas untuk memerangkap UMNO, tambah beliau.

Mengenai kerjasama antara kaum, beliau, berkata, prinsip berkongsi merupakan asas penting kepada jalinan dan ikatan yang kuat di kalangan parti komponen BN.

Dalam hal ini katanya, orang Cina mestilah bersedia menerima penyertaan kaum bukan Cina secara berkesan dan aktif dalam perniagaan mereka.

Beliau berkata, kestabilan politik dan keharmonian kaum mempunyai hubungan rapat dengan pembangunan ekonomi. Oleh itu, kaum Cina tidak harus teragak-agak memberi sokongan mereka kepada Kerajaan BN.

Beliau menambah, sunguhpun Malaysia telah berjaya dalam bidang pembangunan di mana MCA turut memainkan peranan yang penting, BN mestilah berwaspada dengan taktik parti-parti pembangkang seperti DAP.

Mengenai sokongan masyarakat Cina terhadap MCA, Dr. Mahathir berkata, beliau percaya masyarakat Cina akan terus menyokong MCA.

Malah, kata Dr. Mahathir, beliau belum pernah menyaksikan sebelum ini betapa masyarakat Cina tampil ke hadapan untuk menyahut seruan MCA membantunya menjayakan projek Kolej Tunku Abdul Rahman.

"Sokongan ini terbukti dengan kejayaan MCA mengemblengkan bantuan kewangan masyarakat Cina terhadap kolej itu dan ia juga membuktikan bahawa MCA kini lebih diterima oleh kaum Cina.

diingat
rentak DAP